

## **ABSTRAK**

Mengenalpasti metode sesuatu penulisan adalah penting bagi membantu pembaca atau pengkaji kitab memahami apa yang disampaikan oleh pengarang kitab dalam sesebuah karya penulisan. Melalui metodologi ini dapat memberi gambaran awal tentang isi kandungan kitab disamping mengenalpasti bentuk-bentuk penulisan pengarang kitab dalam penulisan mereka. Kajian ini dijalankan bagi mencapai beberapa objektif iaitu mengenalpasti metodologi syarah hadith yang digunakan oleh Ustaz Abdul Halim al-Hadi dan mengenalpasti aplikasi ilmu hadith *riwāyah* dan *dirāyah* di dalam kitab *Ilhām al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī Bahasa Melayu* serta *fiqh al-hadīth* pengarang kitab dalam mensyarah hadith. Bagi menganalisis data kajian, penulis menggunakan metode induktif, deduktif dan komparatif. Antara aspek penting yang ditekankan dalam kajian ini adalah metodologi syaranan hadith, pengaplikasian ilmu hadith *riwāyah* dan *dirāyah* serta metodologi *fiqh al-hadīth*. Kesimpulan daripada kajian ini, penulis mendapati bahawa pengarang kitab *Ilhām al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī Bahasa Melayu* mensyarah hadith *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* secara *ijmālī* (ringkas) sahaja serta menjadikan kitab *Fath al-Bārī* dan *Irshād al-Sānī sebagai rujukan utama dalam syaranan beliau. Dari aspek pengaplikasian* beliau dalam ilmu hadith *riwāyah* pula, penulis mendapati bahawa Ustaz Abdul Halim al-Hadi kurang membincangkan aspek sanad atau perawi hadith. Begitu juga dengan ilmu hadith *dirāyah*, beliau mensyarah hadith berdasarkan nas-nas zahir sesebuah hadith mengikut syarahannya atau melalui rujukan beliau terhadap kitab-kitab lain seperti *Fath al-*

*Bāri* karangan Ibn Hajar al-‘Asqalānī, dan *Irshād al-Sārī* oleh al-Qaṣṭalānī. Perbahasan beliau lebih tertumpu kepada *fiqh al-hadīth* dalam mensyarah hadith *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*.

## ABSTRACT

Identifying method of writing is important to help the reader or researcher to understand what the author of the book presented in their writing. This methodology can provide an initial overview of the contents of the book as well as to identify the authors' styles in their writing. This research aims to achieve several objectives, namely to identify the hadith lectures methodology used by Ustaz Abdul Halim al-Hadi and to see the comparison of his lectures methodology to previous scholars. The author also identify the application of knowledge of *riwāyah* and *dirāyah* hadith in *Ilhām al-Bārī Sharḥ Ṣahīḥ al-Bukhārī Malay Language Scripture* and the *Fiqh al-Hadīth* of the author of the book in hadith lecture. For data analysis, the author used inductive, deductive and comparative methods. Among the important aspect emphasized is hadith lecturing methodology, the application of knowledge in *riwāyah* and *dirāyah* hadith and *fiqh al-hadīth* methodology. As a result of this study, the author found that the book author of the *Ilhām al-Bārī Sharḥ Ṣahīḥ al-Bukhārī Malay Language Scripture* only briefly lectures *Ṣahīḥ al-Bukhārī* hadith, with main references from *Fath al-Bārī* and *Irshād al-Ṣārī*. In terms of his application of the knowledge in *riwāyah* hadith, the author found that Ustaz Abdul Halim al-Hadi made less debates on aspects of the chain or narrators of hadith. Similarly *dirāyah* knowledge of hadith, he explained hadith based on the texts of a tradition in his lecture outwardly or through his references to other books such as *Fath al-Bārī* written by Ibn Hajar al-‘Asqalānī, and *Irshād al-Ṣārī* by al-Qastalānī. His debate focused on *Fiqh al-Hadīth* in lecturing *Ṣahīḥ al-Bukhārī* hadith.